

'Tiada Tun lain perlu disiasat'



ISKANDAR

SHAH ALAM - Tiada individu lain bergelar Tun yang perlu disiasat pihak berkuasa kecuali bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub berkata, bekas Ahli Parlimen Langkawi itu tidak perlu lari tajuk dengan menuding kepada individu lain untuk menjelaskan punca dan perolehan aset kekayaan.

“Jangan libatkan Tun lain sebab mereka tidak sakau, kita nak siasatan ke atas Tun yang menyakau. Tidak perlu sebut Tun lain, rujuk diri sendiri (Mahathir).

“Veteran UMNO menyokong penuh desakan supaya SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) memperluaskan siasatan, tidak hanya kepada Tun Daim (Zainuddin) tetapi terhadap Dr Mahathir, Tun yang dimaksudkan iaitu diri sendiri,” katanya.

Dalam pada itu Mustapha mahu siasatan ke atas Daim turut melibatkan Dr Mahathir susulan beberapa aset UMNO bernilai ratusan bilion ringgit didakwa hilang sebelum ini.

“Kami harap mendapat jawapan kepada kehilangan harta UMNO ketika Dr Mahathir jadi Perdana Menteri dan Daim sebagai Menteri Kewangan,” ujarnya.